



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62
No. 21

11hb Oktober 2018

*TAMBAHAN No. 18
PERUNDANGAN*

J. P.U. 48.

ENAKMEN PERBADANAN TAMAN NEGARA (JOHOR) 1989

PERATURAN-PERATURAN TAMAN NEGARA JOHOR 2018

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Peraturan-peraturan
4. Larangan
5. Penalti
6. Pemakaian

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 28(2)(ca) dan (cb) Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) 1989 [*Enakmen No. 7/1989*], Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Taman Negara Johor 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteks menghendaki maksud yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) 1989 [*Enakmen No. 7/1989*];

“Perbadanan” ertinya Perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 Enakmen;

“pegawai Perbadanan” ertinya seseorang individu yang dilantik di bawah seksyen 17 Enakmen;

“pelawat” ertinya orang sama ada perseorangan atau berkumpulan yang memasuki Taman Negara Johor termasuk pemandu pelawat;

“pemandu pelawat” ertinya orang sama ada perseorangan atau berkumpulan yang telah berdaftar secara sah bagi memberikan perkhidmatan kepada pelawat Taman Negara Johor;

“Zon Pelawat” ertinya suatu kawasan umum yang dibenarkan kepada pelawat untuk menjalankan sebarang aktiviti sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Perbadanan;

“aktiviti” ertinya sesuatu perbuatan yang dilakukan mana-mana orang semasa berada dalam kawasan Taman Negara Johor; dan

“vandalisme” ertinya sesuatu perbuatan yang merosakkan harta benda yang disediakan atau apa-apa tumbuhan dan haiwan yang secara semulajadi terdapat dalam kawasan Taman Negara Johor.

Peraturan-peraturan

3. Semua pelawat hendaklah, semasa berada dalam Taman Negara Johor, mematuhi peraturan-peraturan berikut:

- (a) melaporkan diri kepada pegawai Perbadanan yang sedang bertugas;
- (b) menjelaskan bayaran fi kemasukan dan caj-caj lain yang berkenaan;
- (c) melengkapkan borang pendaftaran bagi aktiviti trekking, pendakian, perkhemahan atau bermalam;
- (d) mendapatkan khidmat pemandu pelawat semasa menjalankan aktiviti trekking, pendakian, perkhemahan atau aktiviti-aktiviti di luar Zon Pelawat;
- (e) mendapatkan perkhidmatan pengangkutan berdaftar atau permit bagi kenderaan persendirian semasa memasuki ke Taman Negara Johor;
- (f) memastikan semua sisa pepejal dan buangan diuruskan dengan baik dan membawa keluar atau mengumpulkannya di tempat yang telah disediakan;
- (g) memasuki kawasan Taman Negara Johor melalui jalan atau pintu masuk yang telah ditetapkan oleh Perbadanan sahaja;
- (h) mematuhi ketetapan had tampungan bagi setiap aktiviti yang dijalankan;
- (i) mematuhi kawasan Taman Negara Johor sebagai Zon Larangan Merokok di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [*P.U.(A) 324/2004*];
- (j) mengamalkan penggunaan produk yang mesra alam termasuk bungkusan *bio-degradable* atau bekas guna semula;
- (k) sentiasa menjaga dan menghargai keindahan persekitaran, kepelbagaian flora dan fauna serta harta benda Taman Negara Johor;
- (l) sentiasa menghormati budaya dan amalan hidup rakyat Malaysia; dan
- (m) sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pegawai Perbadanan sekiranya diperlukan.

Larangan

4. Aktiviti-aktiviti yang dilarang semasa berada dalam kawasan Taman Negara Johor adalah seperti berikut:

- (a) membuang sampah di merata-rata semasa berada dalam kawasan Taman Negara Johor;
- (b) membawa makanan atau minuman dalam bungkusan polisterin;
- (c) menganjurkan atau melakukan aktiviti yang boleh mengganggu ketenteraman pelawat mahupun hidupan liar;
- (d) menganjurkan atau melakukan sebarang aktiviti yang bertentangan dengan norma agama termasuk sihir, ilmu karut, mistik atau seumpama dengannya;
- (e) membenarkan atau membawa haiwan peliharaan memasuki atau berkeliaran dalam kawasan Taman Negara Johor;
- (f) memberi atau mengumpun dan apa jua cara menangkap spesies hidupan liar dalam kawasan Taman Negara Johor;
- (g) membawa bahan larangan seperti dadah, ganja, racun atau cecair asid;
- (h) membawa sebarang jenis peralatan yang terlarang termasuk perangkap;
- (i) mengganggu, mencedera, mengalih atau mengambil segala tumbuhan, hidupan liar atau benda bernyawa atau tidak bernyawa;
- (j) melakukan aktiviti seperti meracun, mengebom, menjaring, memancing atau menangkap ikan atau hidupan lain di mana-mana sungai dan perairan dalam kawasan Taman Negara Johor;
- (k) menjalankan aktiviti seperti menembak, menyumpit, memasang perangkap termasuk pelekat gam, melastik, menjaring burung atau kelawar atau menjerat hidupan liar;
- (l) membekal atau membawa minuman beralkohol atau minuman yang memabukkan;
- (m) melakukan atau beraksi secara tidak senonoh di hadapan khalayak ramai;
- (n) menjalankan atau menganjurkan aktiviti berbentuk seks secara terbuka atau seumpamanya;
- (o) melakukan sebarang aktiviti yang berbentuk vandalisme; dan
- (p) melakukan atau menjalankan sebarang pembakaran secara terbuka tanpa kebenaran.

Penalti

5. Mana-mana orang yang melanggar Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi tempoh enam bulan.

Pemakaian

6. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua individu yang berada dalam kawasan Taman Negara Johor.

Bertarikh 12 September 2018
[PTNJ 3/22/1 JLD. 2(7)]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor*

NATIONAL PARKS (JOHOR) CORPORATION ENACTMENT 1989

JOHOR NATIONAL PARKS REGULATIONS 2018

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Name and commencement
2. Interpretation
3. Regulations
4. Prohibition
5. Penalty
6. Application

IN exercise the powers conferred by paragraph 28(2)(ca) and (cb) of National Parks (Johor) Corporation Enactment 1989 [*Enactment No. 7/1989*], the State Authority makes the following regulations:

Name and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Johor National Parks Regulations 2018**.

(2) These regulations shall come into force on a date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Enactment” means National Parks (Johor) Corporation Enactment 1989 [*Enactment No. 7/1989*];

“Corporation” means Corporation established under section 6 of the Enactment;

“officer of the Corporation” means an individual appointed under section 17 of the Enactment;

“visitor” means an individual or a group of people who enter the Johor National Park including the tour guide;

“tour guide” means an individual or a group of people who are legally registered to give services to the visitor of the Johor National Park;

“Visitors Zone” means an area where the visitor are allowed to carry out any activities as allowed by the Corporation;

“activity” means an act done by any individual while being in the Johor National Park; and

“vandalism” means an act to vandalize the facilities or flora and fauna available in the Johor National Park.

Regulations

3. All visitors to the Johor National Park shall comply with the regulations as follow:

- (a) report to the officer of the Corporation in charge;
- (b) pay an entrance fee and other related charges;
- (c) complete the registration form for trekking, climbing, camping or overnight activities;

-
- (d) obtain tour guide services during trekking, climbing, camping or other activities outside the Visitors Zone;
 - (e) obtain registered transportation services or permit for a private vehicle when entering the Johor National Park;
 - (f) ensure all solid waste and disposal is well managed and dispose it at the place provided for;
 - (g) enter the Johor National Park through the road or entrance designated by the Corporation;
 - (h) comply with the limitations for every activities carried out;
 - (i) observe that the area of the Johor National Park is a Non Smoking Zone under the Control of Tobacco Product Regulations 2004 [*P.U.(A) 324/2004*];
 - (j) practise the use of environmental friendly products including *bio-degradable* or reusable containers;
 - (k) always maintain and appreciate the beauty of the environment, the diversity of flora and fauna as well as the properties of the Johor National Park;
 - (l) respect the culture and practice of Malaysians; and
 - (m) co-operate with the officer of the Corporation if required.

Prohibitions

4. Activities prohibited within the Johor National Park are as follows:
 - (a) dumping rubbish while within the Johor National Park;
 - (b) bringing foods or beverages in polystyrene containers;
 - (c) organizing or conducting any activities that may cause nuisance to visitor or wildlife;
 - (d) organizing or conducting any activities that is contrary to religious norms including practicing black magic, mysticism or otherwise;

- (e) allowing or bringing pets into or roaming within the Johor National Park;
- (f) feeding or catching the wildlife species within the Johor National Park;
- (g) bringing any illegal substances such as drugs, poisons or liquid acid;
- (h) bringing any prohibited equipments including trap;
- (i) harming, moving or taking any plants or wildlife;
- (j) conducting an activities such as poisoning, bombing, netting, fishing or catching any other living species in any rivers or waters within the Johor National Park;
- (k) conducting an activities such as shooting, blowpipe, installing trap including stickers, netting birds or bats or any wildlife;
- (l) supplying or bringing alcoholic or intoxicated drinks;
- (m) acting improperly in the public;
- (n) conducting or organizing any sexual activity publicly or otherwise;
- (o) conducting any form of vandalism activities; and
- (p) conducting an open burning without permission.

Penalty

5. Any person who contravenes these Regulations commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding six months.

Relevant

6. These regulations shall apply to all individuals within the Johor National Park.

Dated 12 September 2018
[PTNJ 3/22/1 JLD. 2(7)]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF
Clerk of the State Executive Council
Johore